

10 Februari 2025

Kepada Badan Atau Orang Perseorangan Yang Berkepentingan.

Jemputan Untuk Membuat Ulasan Berkenaan Dengan Penilaian MSPO Bagi *Felda Gugusan Adela*

Felda Gugusan Adela telah melantik Trans Certification & Inspection Sdn. Bhd. (TRANS) untuk melaksanakan penilaian utama pensijilan Malaysian Sustainable Palm Oil untuk Rancangan ***Felda Gugusan Adela***. Penilaian akan dilaksanakan ke atas 4 ladang yang diuruskan oleh ***Felda Gugusan Adela***

Trans Certification & Inspection Sdn. Bhd. merancang untuk melakukan penilaian persijilan bagi ***Felda Gugusan Adela*** pada **10/03/2025-14/03/2025**. Penilaian utama akan diadakan menurut Malaysian Sustainable Palm Oil (MSPO) Malaysian Sustainable Palm Oil (MSPO) MS 2530-2-2:2022 General Principles for Organized Smallholders (less than 40.46 hectares). Salinan Standard MS 2530-2-2:2022 boleh didapati daripada Jabatan Standard Malaysia melalui emel: central@jsm.gov.my. Penilaian akan merangkumi isu-isu undang-undang, alam sekitar, ekonomi, keselamatan dan kesihatan pekerja dan isu-isu sosial sepertimana yang diperlukan oleh penilaian MSPO.

Berikut adalah keterangan dan butiran unit persijilan:

| Rancangan | Alamat | Jumlah Kawasan Keseluruhan (Ha) | Rujukan GPS |
|----------------|--|---------------------------------|--------------------------------|
| Felda Adela | Mukim Tanjung Surat, 81900 Kota Tinggi, Johor, Malaysia. | 1,486.26 | N 1°29'11.3" E 104°11'27.3" |
| Felda Tunggal | Mukim Pengerang, 81900 Kota Tinggi, Johor, Malaysia. | 2,108.49 | N 1°28'34.6" E 104°10'04.0" |
| Felda Sening | Mukim Pengerang, 81900 Kota Tinggi, Johor, Malaysia. | 2,210.44 | N 1°30'18.1" E 104°11'10.2" |
| Felda Keledang | Mukim Pengerang, 81900 Kota Tinggi, Johor, Malaysia. | 1,512.97 | N 1°29'02.0" E 104°11'14.6" |

Trans Certification & Inspection Sdn. Bhd. adalah 100% Syarikat Bumiputra yang telah ditubuhkan pada tahun 2017. TRANS adalah pembekal pensijilan, kualiti pengurusan dan pensijilan produktiviti semenjak tahun 2015, TRANS telah bergiat aktif dalam bidang pengauditan dan bekerjasama dengan beberapa Badan Pensijilan lain. TRANS telah mewujudkan satu prosedur khusus bagi rungutan dan aduan, yang boleh di dapati di laman web: <https://transcert.com.my/complaint-procedure/>.

Pasukan audit dari Trans Certification & Inspection Sdn. Bhd. yang akan melaksanakan audit penilaian di **Felda Gugusan Adela** terdiri daripada:

- i) Encik Azmi bin Adnan sebagai Ketua Juruaudit (Aspek Undang-Undang, Sosial dan Temuduga Stakeholder dalaman dan luaran)
- ii) Encik Mohamad Irwan bin Senin sebagai Juruadit (Aspek Persekitaran dan HCV)

- iii) Encik Asnawi Nazran Bin Mohd Zaili sebagai Juruadit (Aspek Persekitaran dan HCV)
- iv) Mohd Johari Bin Md Kassim sebagai Juruadit (Aspek Persekitaran dan HCV)

Sebagai persediaan untuk proses penilaian ini, mana-mana badan atau perseorangan yang berkepentingan adalah dijemput untuk memberikan sebarang ulasan/komen secara bertulis mengenai penilaian berkaitan dengan aspek alam sekitar atau sosial yang difikirkan berkaitan.

Tarikh dan masa bagi perundingan pihak berkepentingan adalah seperti berikut:

Tarikh : 11.03.2025
Masa : 10.00 pagi – 12.00 tengahari
Lokasi : Felda Adela, 81900 Kota Tinggi, Johor, Malaysia.

Sekiranya pihak Tuan atau Puan tidak berkesempatan untuk menghadiri mesyuarat penilaian ini. Tuan dan Puan dijemput untuk mengirimkan email berkaitan isu yang ingin dibangkit kepada Juruadit semasa / selepas Penilaian Malaysian Sustainable Palm Oil dijalankan.

Topik-topik yang mungkin hendak dibincangkan adalah seperti berikut:

- Perlindungan alamsekitar
- Penjagaan 'Biodiversity'
- Peluang-peluang pekerjaan
- Pendekatan pihak syarikat dalam kemajuan komuniti
- Perhubungan anda dengan pihak syarikat
- Penyertaan dalam proses membuat keputusan
- 'Free, prior and informed consent' (FPIC)
- Cadangan-cadangan penambahbaikan

Pihak tuan-puan boleh mengemukakan aduan atau komen bertulis kepada pihak kami. Aduan atau komen yang akan dipertimbangkan di dalam pengauditan hendaklah diterima dalam masa 30 hari daripada tarikh surat ini.

Sila lengkapkan butiran seperti berikut supaya anda dapat dihubungi apabila terdapat sebarang kekeliruan pada isu-isu yang dibangkitkan.

| | |
|-----------------|--|
| Nama: | |
| Alamat: | |
| E-mail: | |
| Nombor Telefon: | |
| Nombor Fax: | |

Jika aduan atau komen yang anda hendak ajukan itu berbentuk sulit dan rahsia atau tidak ingin diketahui penamanya, sila nyatakan "SULIT" dan hantarkan kepada:

Pegawai Pengesahan (Certifier)

Atika Binti Bakar
Trans Certification & Inspection Sdn.
Bhd.
No. B30, Tingkat 1,
Jalan IM2/5, Bandar Indera Mahkota,
25200 Kuantan Pahang
Tel: +609-5751333.
Email: info@transcert.com.my

Terima kasih di atas maklumbalas yang diberikan.

Yang Benar,



Atika Binti Bakar

Pegawai Pengesahan (Certifier)

Trans Certification & Inspection Sdn. Bhd.